



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran  
Perdana Presint 4, 62100  
Putrajaya

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (11)

Tarikh: 20 April 2019

**SIARAN MEDIA**

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN & PERASMIAN PEJABAT  
SEKRETARIAT MUAFAKAT KOMUNITI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT  
(PPR) KOTA BHARU, KELANTAN**

**Kota Bharu, 20 April 2019** - YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini telah menyerahkan surat tawaran Program Perumahan Rakyat (PPR) Kota Bharu, Kelantan kepada 480 peserta dan seterusnya menyempurnakan perasmian Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti.

KPKT melalui SUK Kelantan dan Jabatan Perumahan Negara telah menerima sebanyak 5,535 permohonan bagi projek ini dan penerima hari ini adalah yang terpilih setelah melalui beberapa proses tapisan dan semakan silang.

Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti yang dirasmikan hari ini merupakan komitmen kementerian di bawah Dasar Komuniti Negara. Dasar Komuniti Negara digubal dengan hasrat untuk mewujudkan komuniti di kawasan perumahan yang prihatin terhadap kebersihan kawasan perumahan yang didiami, penyelenggaraan bangunan dan kemudahan bersama yang teratur serta sikap menghormati, menyayangi dan mementingkan kesejahteraan jiran tetangga.

Sekretariat Muafakat Komuniti di PPR Kota Bharu akan menjadi platform bagi menjalinkan perhubungan dan memudahcara antara komuniti dengan agensi Kerajaan, swasta dan NGO. Antara contoh-contoh aktiviti yang telah diadakan di PPR lain sebelum ini adalah program gorong-royong, keusahawanan, pengurusan kewangan serta program sukan bersama penduduk.

Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti akan membantu memastikan penghuni dapat menikmati kehidupan yang harmoni dengan pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif merangkumi 8 bidang fokus (kluster) iaitu:

- i) Infrastruktur dan penyelenggaraan;
- ii) Kebersihan, alam sekitar dan kesihatan;
- iii) Keselamatan;
- iv) Pendidikan dan kemahiran;
- v) Keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan bantuan seperti wanita, OKU, ibu tunggal, kanak-kanak, warga emas, dan daif;
- vi) Perkhidmatan sosial;
- vii) Keusahawanan dan perniagaan sosial; dan
- viii) Sukan dan rekreasi.

Dalam majlis yang sama, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin turut merasmikan satu inisiatif baru iaitu Komuniti Sifar Sisa (ZeComm). Inisiatif ini dirangka bagi memudahkan penduduk menjalankan rawatan sisa makanan serta menjual barangan kitar semula dan mendapat ganjaran dari hasil inisiatif tersebut. ZeComm juga akan menjadi salah satu program pemberdayaan komuniti di bawah Dasar Komuniti Negara.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

Dikeluarkan Oleh : *Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

Telefon : *03-8891 5555*  
Faks : *03-8891 5557*  
E-mel : *media.ukk@kpkt.gov.my*